

## Tingkah Laku Beragama Menurut Freud

*Religious Behavior According to Freud*

NOR NAZIMI MOHD MUSTAFFA, JAFFARY AWANG & AMINUDIN BASIR@AHMAD

### ABSTRAK

Pada abad ke-19, bidang psikologi semakin berkembang dengan wujudnya bidang kajian psikologi agama yang bertujuan untuk memahami perasaan, pemikiran dan tingkah laku beragama. Sarjana psikologi Barat telah melakukan pelbagai kajian yang berbeza bagi mengemukakan pandangan dan pemikiran mereka terhadap tingkah laku beragama. Sigmund Freud (1856-1939) merupakan salah seorang ahli psikologi Barat yang sangat berpengaruh dalam bidang psikologi dan beliau telah memperkenalkan teori Psikoanalitik. Berdasarkan teori Psikoanalitik, beliau telah megemukakan pandangan dan pemikiran terhadap aspek agama dan aktiviti pelaksanaan tingkah laku beragama yang dilakukan oleh manusia. Oleh yang demikian, kajian ini memperincikan pemikiran beliau terhadap konsep tingkah laku beragama yang dilakukan oleh seseorang. Perincian yang dilakukan adalah terhadap faktor pembentukan, bentuk dan tujuan tingkah laku beragama. Kajian ini menggunakan metode analisis dokumen dengan pendekatan tematik untuk menganalisis data yang dikumpul daripada buku psikologi karangan Freud sebagai rujukan utama dan disokong oleh jurnal dan artikel yang berkaitan. Hasil kajian menjelaskan tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang terhasil dari keinginan seksual dan perasaan untuk memiliki sesuatu keinginan yang bersifat keanak-anakan. Keinginan dan perasaan ini telah membawa kepada penyesalan sehingga menyebabkan tingkah laku beragama terbentuk. Bentuk tingkah laku beragama adalah aktiviti ritual yang dilakukan menurut ajaran agama yang dipercayai seperti upacara pemujaan, penyembahan dan pengorbanan. Tujuannya pula adalah untuk memenuhi keinginan manusia iaitu keinginan kepada perlindungan dan keinginan kepada kebahagiaan.

Kata kunci: Sigmund Freud; tingkah laku beragama; faktor pembentukan; psikoanalitik; minda bawah sedar

### ABSTRACT

*Studies in psychology has expanded in the 19th century with the existence of psychology of religious studies which aims to understand the religious feelings, thoughts and religious behaviors. Western psychologists conducted various different studies of religion and offered their views and thoughts on the religious behaviors of individuals. Sigmund Freud (1856-1939) was one of the most influential Western psychologists in the field of psychology and he introduced Psychoanalytic theory. Based on Psychoanalytic theory, he offered his views and thoughts on religion and the religious behavior activities performed by humans. Therefore, this study details his thoughts on the concept of religious behavior performed by a person. The study focuses on formation factors, characteristics and the purpose of religious behavior. Document analysis method was adopted in this study, where data collected from his work i.e. books on psychology as the main reference, which was supported by journals and articles related to this study. The results of the study show that religious behavior is a behavior that results from sexual desire and the feelings of having childish desire. These desires and feelings make humans regret which in turn lead to the formation of religious behaviors. The forms of religious behavior are ritual activities carried out according to religious beliefs, for example ceremonies, worship and sacrifice. The goal of religious behavior is to fulfill the human desires for protection and happiness.*

Keywords: Sigmund Freud; religious behavior; factors; psychoanalytic; subconscious mind

## PENDAHULUAN

Menurut sarjana Barat, tingkah laku beragama adalah aktiviti beragama yang dilakukan oleh seseorang (Argyle 1958). Menurut Feierman (2009) pula, tingkah laku beragama merujuk kepada tindakan atau perbuatan yang mengandungi unsur-unsur kepercayaan kepada Tuhan. Tambah beliau lagi, tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang berbeza dengan tingkah laku bukan beragama kerana tingkah laku beragama mengandungi unsur kepercayaan terhadap kuasa yang agung atau Tuhan. Beliau juga menjelaskan tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang terdedah, boleh dilihat dan diukur dengan mata kasar manusia seperti sembahyang, berdoa dan kehadiran ke gereja.

Menurut sarjana Islam pula, tingkah laku beragama adalah tingkah laku seseorang dalam bertindak balas terhadap persekitaran berdasarkan ajaran agama yang diyakininya (Masri 2008). Ririn (2010) dan Nurhuda (2011) pula menjelaskan, tingkah laku beragama merupakan keadaan beragama dalam diri seseorang. Keadaan tersebut mendorong seseorang menzahirkan tingkah laku beragama berdasarkan keyakinan terhadap agama yang dianutinya. Hajaroh (1998) pula berpendapat, tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang dizahirkan daripada kehidupan beragama dan juga kesedaran beragama dalam diri seseorang. Jelas beliau lagi, tingkah laku beragama adalah kesinambungan daripada sikap keagamaan dan kesedaran agama dalam diri seseorang. Nurjannah (2013) menjelaskan tingkah laku beragama merupakan tindakan, perbuatan atau ucapan yang dilakukan kerana kepercayaan kepada Tuhan. Arie (2015) menjelaskan tingkah laku beragama adalah tingkah laku seseorang yang dilakukan sesuai dengan agama yang dianutinya. Hal ini menunjukkan bahawa, tingkah laku beragama merupakan tingkah laku yang diorientasikan kepada Tuhan. Sarjana Islam tidak hanya mengkhususkan tingkah laku beragama kepada suatu tingkah laku yang hanya berhubung dengan aspek ketuhanan sahaja seperti sembahyang, berdoa, membaca al-Quran dan sebagainya. Bahkan mereka menjelaskan tingkah laku beragama adalah tingkah laku sehari-hari yang berkaitan dengan nilai-nilai kemanusiaan seperti menderma, membantu orang yang berada dalam kesusahan, berbuat baik kepada haiwan dan sebagainya.

Berdasarkan definisi sarjana Barat pula, mereka lebih cenderung menjelaskan tingkah laku beragama sebagai amalan ritual atau ibadah kepada sesuatu yang dipercayai sebagai Tuhan. Perkara ini berbeza dengan definisi daripada sarjana Islam yang cenderung menjelaskan tingkah laku beragama bukan hanya amalan ritual atau ibadah sahaja tetapi merangkumi tingkah laku dalam aspek nilai kemanusiaan. Oleh itu, tingkah laku beragama dapat difahami sebagai tingkah laku amalan ritual atau ibadah dan juga tingkah laku yang berkaitan dengan nilai-nilai kemanusiaan. Kedua-dua aspek tingkah laku ini adalah tingkah laku yang berorientasikan Tuhan dan agama.

Pada abad ke-19 bidang psikologi telah berkembang sehingga wujudnya bidang kajian psikologi agama. Ramai tokoh-tokoh Barat telah menjalankan kajian dan mengemukakan pelbagai teori berhubung tingkah laku beragama dan salah seorang daripadanya adalah Sigmund Freud (1856-1939). Beliau adalah nama yang amat dikenali dalam sejarah psikologi Barat kerana telah menulis pelbagai karya yang menarik dan terkenal dalam bidang perubatan dan saintifik. Beliau juga menulis beberapa karya yang menyentuh isu agama, namun secara keseluruhannya penulisan beliau bersifat menganalisis agama. Teori beliau adalah teori utama dalam sejarah psikologi yang telah memberi kesan kepada pemikiran manusia tentang tingkah laku dan agama (Corey 2009). Oleh itu, objektif kajian ini bertujuan untuk memperhal konsep tingkah laku beragama menurut pandangan tokoh psikologi Barat yang tersohor iaitu Sigmund Freud. Perincian dilakukan untuk mengenalpasti apakah faktor pembentukan tingkah laku beragama, apakah bentuk tingkah laku beragama dan apakah tujuan tingkah laku beragama dilakukan oleh seseorang. Perbincangan dilanjutkan dengan mengenalpasti apakah wujud persamaan dan perbezaan pemikiran Freud dalam konsep kehidupan Muslim.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan teoritikal serta sangat bergantung kepada bahan-bahan bacaan yang boleh didapati di perpustakaan. Kajian ini menggunakan instrumen analisis dokumen yang dilakukan secara induktif (Creswell 1994) terhadap dua karya Sigmund Freud yang bertajuk *Totem and Taboo* dan *The Future of an Illusion*. Kedua-dua karya ini merupakan rujukan

utama selain daripada bahan bacaan sekunder yang lain seperti jurnal dan artikel. Dalam kedua-dua karya tersebut, Freud membincangkan teori, pemikiran dan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan tingkah laku. Perbincangan beliau daripada kedua-dua karya tersebut dianalisis secara manual dan tidak menggunakan sebarang perisian untuk proses analisis. Untuk melakukan analisis data secara terperinci maka pendekatan tematik diaplikasikan dalam kajian ini. Pendekatan tematik adalah pendekatan mengidentifikasi, mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan tema-tema yang terdapat dalam dokumen atau data tertentu (Boyatzis 1998).

Melalui pendekatan ini, tiga tema dapat dikenalpasti daripada kedua-dua karya tersebut untuk memperihal konsep tingkah laku beragama menurut Sigmund Freud. Tema-tema tersebut adalah faktor pembentukan tingkah laku beragama, bentuk tingkah laku beragama dan tujuan tingkah laku beragama dilakukan. Pembinaan tema ini dikenalpasti melalui teori *psikoanalisis* dan teori *oedipus complex* yang terkandung dalam kedua-dua karya tersebut.

## DATA KAJIAN

Data kajian ini terdiri daripada pemikiran dan pandangan Sigmund Freud tentang agama dan tingkah laku beragama yang diperolehi melalui dua karya berikut:

### TOTEM AND TABOO

Karya ini mengandungi pendekatan utama Sigmund Freud tentang agama dan merupakan sebuah karya yang beliau sendiri menyifatkannya sebagai satu penulisan yang paling penting (Sofe 2012). Dalam karya ini, beliau membincangkan satu sistem yang dikenali sebagai sistem *oedipus complex*. Sistem ini merujuk kepada tahap perkembangan perasaan, pemikiran dan minda bawah sedar seorang kanak-kanak lelaki yang sangat berkait rapat dengan keinginan kanak-kanak lelaki. Pada awal perkembangan iaitu dalam lingkungan usia lima tahun, kanak-kanak lelaki menginginkan dan memiliki semua cinta dan kasih sayang daripada ibunya sehingga secara tidak sedar mereka menginginkan kematian ayahnya. Sindrom ini berkaitan dengan naluri seksual atau *libido* bagi seorang anak lelaki dan perasaan cinta terhadap

ibunya. Konsep ini dikembangkan berdasarkan kisah keinginan dan perasaan seorang anak lelaki untuk memiliki sesuatu yang dimiliki oleh seorang ayah. Kisah ini terdapat dalam sastera Greek yang menceritakan tentang keinginan seorang raja Sophocles iaitu raja Oedipus (Freud 1961).

Menurut Freud, tingkah laku manusia sering didorong oleh desakan seksual yang mana sentiasa mendorong manusia untuk berusaha memenuhi desakan tersebut (Nurulhidayah, Azlina & Abdul Manam 2017). Desakan seksual telah wujud dalam diri manusia sejak usia kanak-kanak dan ia merupakan tenaga atau kekuatan yang berada dalam minda bawah sedar. Seseorang akan sentiasa berusaha untuk memenuhi desakan seksual tersebut sehingga mencapai kepuasan dan keseronokan yang diingini. Desakan seksual tersebut digerakkan oleh daya tenaga yang dimiliki oleh *id* yang mana merupakan asal bagi semua daya tenaga dalam minda bawah sedar yang lain seperti *ego* dan *superego*. *Id* merupakan naluri yang berkaitan dengan keseronokan yang tidak mempedulikan realiti dan pertimbangan dari segi moral dan logik. Selain itu, *id* juga merupakan gejala bawah sedar dan satu tenaga *primitif*, tidak teratur, tidak rasional dan dipenuhi dengan perasaan yang ingin merealisasikan kepuasan diri secara mendadak dan tidak berfikir panjang. *Id* tidak akan pernah matang walaupun individu yang milikinya sudah meningkat usia dan bertambah matang pemikirannya. Oleh kerana itu, *id* dikenalpasti sebagai sistem yang bertindak secara tidak logik dan tidak bermoral (Sapora & Ruhaya 2014).

Keperluan kepada agama adalah sangat berkait rapat dengan sistem *oedipus complex*. Dalam konteks ini, kemunculan agama dikaitkan dengan hubungan perasaan seorang kanak-kanak lelaki terhadap ayahnya. Kewujudan *id* melahirkan perasaan cemburu kanak-kanak lelaki yang ingin memiliki isteri ayahnya atau ibunya sendiri. Ini menyebabkan kanak-kanak lelaki tersebut membunuh ayahnya kerana hanya dengan cara itu dia dapat memiliki ibunya. Selepas kematian ayahnya, kanak-kanak lelaki tersebut berasa gembira kerana dapat memiliki ibunya namun lama kelamaan timbul pula rasa bersalah yang amat tinggi dalam dirinya kerana telah membunuh ayahnya sendiri. Penyesalan tersebut telah menyebabkan kanak-kanak lelaki tersebut ingin menghidupkan kembali ayahnya dengan sesuatu yang lain. Maka kanak-kanak lelaki tersebut telah mencari pengganti ayahnya dengan memilih *totem* sebagai ‘pengganti’ (Freud 1961).

*Totemisme* adalah istilah yang merujuk kepada agama masyarakat primitif dan *totem* pula adalah binatang pilihan yang disucikan dan dianggap keramat. Oleh itu, terdapat larangan-larangan tertentu terhadap binatang tersebut seperti tidak boleh dibunuh dan dimakan. Namun begitu, dalam tempoh-tempoh tertentu binatang *totem* boleh dibunuh. Binatang *totem* yang dibunuh dikenali sebagai ‘hidangan *totem*’. Pembunuhan binatang *totem* merupakan aktiviti ritual yang diikuti oleh peraturan-peraturan tertentu dan hanya dilakukan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Mereka akan membunuh binatang *totem* dan akan memakan habis binatang tersebut. Binatang yang telah disembelih akan diratapi dan ditangisi atau dengan kata lain mereka akan berkabung untuk binatang tersebut malah perkabungan terhadap binatang tersebut adalah suatu kemestian (Freud 1961).

Sistem *totem* adalah perjanjian di antara anak dengan ayahnya yang mana ayahnya akan memenuhi keinginan anak, memberi perlindungan, kasih sayang dan sebagainya. *Totem* adalah pengganti kepada ayah yang dibunuh dan dalam masa yang sama kewujudan *totem* juga adalah bertujuan menzahirkan perasaan berkabung. Oleh itu, *Totemism* difahami sebagai sebuah agama yang lahir daripada perasaan bersalah seorang anak lelaki terhadap ayahnya dan dia berusaha untuk meredakan perasaan bersalah tersebut dengan membuat perdamaian dengan ayahnya yang telah mati dengan cara mematuhiinya. Oleh kerana itu, tingkah laku beragama difahami sebagai tingkah laku yang berpunca daripada *oedipus complex* iaitu sistem yang terhasil daripada pengaruh minda bawah sedar manusia. Tingkah laku beragama sebenarnya adalah berpunca daripada perasaan bersalah yang dialami oleh manusia dan manusia berusaha untuk menguruskan perasaan bersalah tersebut (Freud 1961). Hal ini difahami daripada ungkapan berikut:

*“Totemic religion arose from the filial sense of guilt, in an attempt to allay that feeling and to appease the father by deferred obedience to him”* (Freud 1961: 145).

#### THE FUTURE OF AN ILLUSION

Dalam karya ini pula, Freud menjelaskan idea-idea beliau berhubung nilai beragama. Beliau mengemukakan pandangannya bahawa agama

merupakan salah satu bentuk obsesi sejagat terhadap gangguan emosi yang dialami oleh manusia. Beragama merupakan khayalan atau ilusi bagi memenuhi hajat dan keinginan seseorang bahkan ia merupakan satu bentuk gangguan emosi. Menurut beliau lagi, beragama merupakan satu bentuk gangguan mental golongan dewasa yang merupakan fenomena sejagat sebagaimana *oedipus complex* yang berlaku di peringkat kanak-kanak (Freeman 1929). Kewujudan Tuhan dan agama adalah untuk menghalau atau melindungi manusia daripada kedahsyatan bahaya alam semula jadi, untuk menjawab persoalan kehidupan, untuk menjelaskan nasib dan untuk mengimbangi kekurangan, mengimbangi keperluan, mengimbangi kesukaran dan mengimbangi kemelaratan dalam tamadun manusia. Agama juga berperanan menguruskan dan mengembangkan tamadun manusia (Freud 1975). Hal ini dijelaskan sebagaimana dalam petikan berikut:

*“Thus the benevolent rule of a divine Providence allays our fear of the dangers of life; the establishment of a moral world order ensures the fulfillments of the demands of justice, which have so often remained unfulfilled in human civilizations; and the prolongation of earthly existences in a future life provides the local and temporal framework in which these wish-fulfilments shall take places. Answers to the riddles that tempt to the curiosity of man”* (Freud 1975: 30).

Seterusnya Freud menjelaskan, agama adalah ilusi manusia yang ingin memenuhi keinginan dan harapan yang diperlukan oleh mereka di dunia ini. Agama diibaratkan seperti ‘pengkhayal’ dan ubat bagi manusia untuk lari daripada ‘kesakitan’ seperti tekanan, konflik, cemas dan rasa bersalah. Manusia berusaha untuk memenuhi ilusi dalam minda mereka melalui agama, namun sebenarnya dalam masa yang sama mereka menentang realiti kekecewaan yang sedang dihadapi. Perkara ini dapat dikenalpasti melalui perlakuan kanak-kanak lelaki yang cuba menghidupkan kembali ayahnya dengan cara mencari pengganti. Hal ini dilakukan kerana perasaan bersalah dan kekecewaan akibat tindakan yang telah dilakukan kerana ingin memenuhi keinginannya (Daniel & Ventis 1982).

Amalan ritual dalam agama tertentu telah menyebabkan manusia menjadi terbelenggu dan juga terbatas kerana manusia perlu mentaati perintah dalam agama. Menurut Freud, hanya orang yang gila sanggup dibelenggu dengan peraturan agama. Tingkah laku beragama yang dilakukan bukan atas

dasar rasional dan akal yang waras tetapi dilakukan kerana perasaan takut dan cinta terhadap ‘ayah’ (*God father*) atau Tuhan. Perkara ini adalah gejala neurosis dan juga sifat tidak matang bagi seorang manusia dalam menguruskan emosi mereka sehingga terjerumus ke dalam ilusi (Freud 1975). Jelas beliau lagi, tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang dilakukan secara terpaksa untuk memenuhi tuntutan agama yang dianuti oleh seseorang dan tidak berlaku secara semulajadi. Jika mereka tidak melakukannya mereka akan dihimpit rasa gelisah dan perasaan takut (Bocock 1979).

Oleh itu Freud berpendapat bahawa, agama merupakan sesuatu yang memenuhi keinginan manusia yang bersifat keanak-anakan. Situasi ini dapat dijelaskan oleh tingkah laku beragama masyarakat primitif dalam amalan ritual *totem* dan *taboo* yang berkaitan dengan perasaan bersalah. Figura bapa yang dihidupkan kembali adalah untuk dipuja dan dihormati bertujuan untuk menghilangkan rasa bersalah yang dihadapi. *Totem* yang dijadikan sebagai pengganti ayah tersebut adalah ciptaan manusia sebagai simbol perlindungan dan ketenangan kepada manusia. Hal ini menunjukkan bahawa manusia berilusi untuk memenuhi keinginan mereka terhadap perlindungan, keselamatan dan kebahagiaan.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kedua-dua karya di atas maka perincian hasil kajian ini dibahagikan kepada beberapa tema perbincangan iaitu faktor pembentukan, bentuk tingkah laku beragama dan tujuan tingkah laku beragama dilakukan. Tema-tema ini diklasifikasikan bertujuan untuk menjawab objektif kajian ini. Maka penjelasannya dan huraianya adalah seperti berikut:

### FAKTOR PEMBENTUKAN

Dalam teori *psikoanalisis*, Freud telah menjelaskan bahawa pembentukan tingkah laku dipengaruhi oleh minda bawah sedar iaitu *id*. Keinginan seksual yang berada dalam minda bawah sedar atau *id* ini merupakan faktor pembentukan tingkah laku beragama. Dalam teori minda bawah sedar yang telah dikemukakan oleh beliau, *id* merupakan naluri yang hanya bermatlamat untuk memenuhi kehendak dan keinginan nafsu. Berdasarkan teori ini juga, beliau menjelaskan bahawa dorongan

atau daya naluri seksual seorang manusia telah menimbulkan idea tentang agama dan Tuhan. Perkara ini dapat difahami melalui pandangan dan huraian beliau mengenai sistem *oedipus complex* yang merupakan satu situasi pemikiran dan perasaan bawah sedar manusia yang berhubung dengan keinginan seksual. Tambah beliau lagi, keinginan merupakan faktor-faktor asas yang penting kepada kehidupan dan jiwa manusia. Bahagian paling penting dalam minda bawah sedar seorang manusia adalah sistem *id* yang mana ia berfungsi untuk merubah keperluan manusia kepada daya penggerak untuk melakukan tingkah laku beragama (Sofe 2012).

Freud berhujah bahawa setiap kanak-kanak lelaki yang berusia tiga hingga enam tahun mempunyai konflik perasaan terhadap ibu bapa mereka. Konflik perasaan tersebut adalah keinginan untuk menjalinkan hubungan intim dengan ibunya dan memiliki kedudukan yang istimewa di sisi ibunya. Namun dalam masa yang sama, kanak-kanak lelaki tersebut menyimpan dendam terhadap ayahnya kerana memiliki ibunya. Walau bagaimanapun, kanak-kanak lelaki tersebut tetap mengagumi ayahnya tetapi mengalami perasaan cemburu dan ingin bersaing kerana ayahnya adalah individu yang berada ditengah-tengah antara dirinya dan ibunya. Konflik perasaan ini wujud dalam minda bawah sedar dan wujud dalam bentuk simptom-simptom neurosis. Simptom-simptom neurosis merujuk kepada tingkah laku dan pemikiran yang tidak normal yang mana simptom ini meliputi keadaan emosi yang teruk secara patologikal seperti keadaan keresahan atau murung, tingkah laku dan fikiran yang menyedihkan seperti fobia, obsesif atau juga penyakit fizikal seperti hysteria atau *hipokondria* (Rose & Haris 2015). Perasaan cinta terhadap ayah juga menjadi faktor kepada timbulnya agama sekaligus seseorang bertindak melakukan tingkah laku beragama bagi menzahirkan perasaan cinta tersebut. Rasa sesal dalam diri anak, telah mendorongnya agar menghidupkan kembali ayahnya dengan sesuatu yang lain. Maka anak lelaki tersebut telah memilih *totem* sebagai ‘pengganti’ kepada ayahnya (Freud 1975; Freud 1961). Hal ini difahami melalui petikan berikut:

*“Religion would thus be the universal obsessional neurosis of humanity; like the obsessional neurosis of children, it arose out of the oedipus complex, out of the relation to the father”* (Freud 1975: 43).

*"Typical attitudes of a male child towards his parents (oedipus complex) in general as the nuclear complex of the neuroses. The new fact from the analysis of 'little Hans' a fact with an important bearing upon totemism is that in such circumstances children displace some of their feelings from their father on to an animal" (Freud 1961: 129).*

*"The hatred of his father that arise in a boy from rivalry for his mother is not able to achieve uninhibited sway over his mind; it has to contend against his old-established affection and admiration for the very same person. The child find relief from the conflict arising out of this double-sided, this ambivalent emotional attitude towards his father by displacing his hostile and fearful feelings on to a substitute for his father" (Freud 1961: 129).*

Menurut Fromm (1971), teori yang dibawa oleh Freud menunjukkan manusia berhadapan dengan krisis kehidupan iaitu perasaan yang bertentangan terhadap kedua ibu bapa mereka. Tambah beliau lagi, teori ini terlalu sempit dan memandang kehidupan manusia secara sederhana. Malah perkara ini adalah bertentangan sama sekali dengan pemikiran Islam yang menjelaskan bahawa manusia adalah makhluk yang mempunyai komponen rohaniah iaitu *ruh*, *nafs*, *qalb* dan *aql* yang tidak terdapat pada haiwan. Menurut al-Ghazali (1967) komponen rohaniah tersebut adalah komponen yang mempunyai hubungan dengan aspek ketuhanan. Perkara ini adalah bertentangan dengan pemikiran Freud yang mana beliau menjelaskan faktor keinginan biologi manusia seperti keinginan seksual lebih penting daripada sebarang fungsi kerohanian. Oleh itu, pandangan Freud adalah bertentangan dengan konsep kehidupan Muslim, yang mana Islam mementingkan komponen kerohanian dalam membentuk tingkah laku beragama.

#### BENTUK TINGKAH LAKU BERAGAMA

Dalam perbincangan Freud, bentuk tingkah laku beragama yang dikenalpasti adalah tingkah laku yang berkaitan dengan upacara ritual seperti upacara pemujaan, penyembahan dan pengorbanan. Sebagai contoh, beliau membincangkan penyembahan terhadap *totem* dan keyakinan terhadap sistem *taboo*. *Totem* merupakan objek suci, semangat atau simbol yang disembah oleh sesuatu puak tertentu dan lazimnya *totem* merupakan binatang atau tumbuhan. *Totem* dianggap sebagai moyang kepada sesuatu puak atau suku tertentu yang mana

dalam masa yang sama merupakan satu semangat. Selain itu, *totem* juga merupakan semangat yang bertindak sebagai penjaga dan pembantu kepada mereka dan juga dianggap sebagai pembawa berita atau risalah. Berdasarkan konsep ini, manusia terikat dengan suatu kewajipan yang dianggap suci yang mana mereka dilarang sama sekali membunuh atau memusnahkan *totem* kecuali dalam majlis perayaan atau upacara tertentu. Mereka juga dilarang memakan dagingnya atau mengambil sebarang manfaat daripadanya dengan cara yang lain (Freud 1961).

Pemujaan terhadap haiwan, tumbuhan, simbol atau sesuatu ukiran tertentu adalah bertujuan untuk memuja kekuatan yang dapat ditemui pada haiwan, tumbuhan atau objek tersebut. Pemujaan dilakukan dalam bentuk perayaan atau pesta dengan melakukan korban untuk dipersembahkan kepada *totem*. Pemujaan merupakan upacara untuk memperingati tentang peristiwa pembunuhan ayah yang telah dilakukan oleh kanak-kanak lelaki (Freud 1961). Antara perkara yang dilakukan oleh masyarakat primitif adalah menyediakan hidangan atau makanan korban. Hal ini merupakan upacara agama paling awal dan paling lama telah dilakukan oleh masyarakat primitif. Darah dan daging haiwan yang dikorbankan dikongsi bersama oleh setiap ahli suku yang berada di bawah kewajipan agama dan kewajipan sosial yang sama. Haiwan korban boleh dibunuh hanya pada hari perayaan yang telah ditetapkan sahaja dan pembunuhan adalah dilarang pada hari lain. Membunuh binatang *totem* dianggap satu jenayah dan kerana itu binatang *totem* tersebut perlu dikongsi oleh seluruh masyarakat untuk menunjukkan bahawa binatang tersebut dianggap anggota dalam masyarakat. Masyarakat akan berkabung terhadap binatang *totem* yang telah dikorban sebagai tanda penghormatan. Hidangan korban dan upacara perayaan yang dilakukan juga adalah untuk menyatakan kegembiraan pada kematian binatang *totem* kerana telah memecahkan pantang larang atau *taboo* yang dikenakan terhadap masyarakat tersebut. Keadaan ini menunjukkan satu situasi perasaan yang bercampur dalam kalangan ahli suku terhadap binatang *totem* yang telah dikorbankan (Freud 1961).

*Taboo* merupakan sistem pantang larang yang dipegang dan dipatuhi oleh puak atau suku tertentu yang berada dalam kuasa *taboo* yang sama. *Taboo* adalah sesuatu yang ditetapkan secara berasingan daripada aktiviti biasa dan merupakan pantang larang terhadap individu dalam masyarakat primitif

tanpa mereka mengetahui atau mempersoalkannya. *Taboo* merupakan kod undang-undang kemanusiaan yang tidak bertulis dan secara umumnya dianggap sebagai satu pantang larang yang lebih tua daripada sesuatu agama atau Tuhan kerana telah muncul sejak zaman pra agama. Pantang larang ini berada dalam sesuatu yang bernyawa seperti manusia, binatang serta berada dalam objek yang tidak bernyawa seperti benda atau masa. *Taboo* merupakan sistem dalam budaya masyarakat primitif yang berhubung dengan konsep kedewaan yang mana pada kebiasaannya diinstitusikan melalui persatuan mereka. Individu tertentu seperti raja, paderi dan penjenayah tertakluk kepada pantang larang ini. Oleh kerana itu, masyarakat primitif telah mewujudkan sistem perayaan yang terperinci untuk menebus bahaya dosa yang ditimbulkan akibat melanggar pantang larang. Sebagai contoh, pantang larang yang dipegang oleh masyarakat primitif adalah tidak berkahwin dengan individu dari suku atau puak yang sama, tidak melakukan hubungan sesama saudara dari suku atau puak yang sama dan tidak membunuh binatang *totem* (Freud 1961). Hal ini difahami melalui petikan berikut:

*"The clansmen are there, dressed in the likeness of the totem and imitating it in sound and movement, as though they are seeking to stress their identity with it. Each man is conscious that he is performing an act forbidden to the individual and justifiable only through the participation of the whole clan; nor may anyone absent himself from the killing and the meal. When the deed is done, the slaughtered animal is lamented and bewailed. The mourning is obligatory, imposed by dread of a threatened retribution. The mourning is followed by demonstrations of festive rejoicing: every instinct is unfettered and there is license for every kind of gratification"* (Freud 1961: 140).

Perkara ini menjelaskan bahawa, bentuk tingkah laku beragama adalah amalan ritual yang dilakukan dalam bentuk penyembahan, perayaan, pengorbanan terhadap haiwan *totem* dan juga dalam bentuk mematuhi pantang larang (*taboo*). Amalan penyembahan dilakukan terhadap sesuatu objek seperti simbol atau binatang tertentu yang dipercayai mempunyai kuasa untuk melindungi daripada sebarang bahaya dan juga dapat memberi keamanan. Perayaan atau upacara tertentu dilakukan seperti berkabung terhadap haiwan *totem* yang telah dikorbankan sebagai cara untuk menghormati *taboo* yang telah dilanggar.

## TUJUAN TINGKAH LAKU BERAGAMA DILAKUKAN

Keinginan, kehendak atau hajat seorang kepada perlindungan dan kebahagiaan merupakan tujuan tingkah laku beragama dilakukan. Ini kerana, manusia adalah makhluk yang tidak berdaya dan memerlukan kepada sesuatu yang mereka yakini dapat memenuhi keinginan, kehendak dan hajat mereka yang bersifat keanak-anakan dan tidak matang. Oleh yang demikian, tujuan tingkah laku beragama yang telah dikenalpasti daripada perbincangan Freud terbahagi kepada dua iaitu keinginan kepada perlindungan dan keinginan kepada kebahagian. Penjelasannya adalah seperti berikut:

### *Keinginan Kepada Perlindungan*

Sifat manusia yang berasa tidak berdaya dan lemah menyebabkan manusia ingin kepada perlindungan daripada sebarang bahaya dan malapetaka. Oleh kerana itu, manusia mendapatkan pengganti 'ayah' sebagai pelindung mereka dalam kehidupan. Keinginan ini telah membawa manusia menonjolkan imej Tuhan dalam pelbagai rupa yang mereka anggap mampu memberikan keselamatan dan perlindungan. Ini adalah rentetan daripada kehidupan di dunia yang membebankan kerana manusia terus menerus menjadi mangsa kepada bencana semulajadi dan juga takdir yang tidak terkawal. Freud yakin bahawa ketakutan telah mencipta Tuhan dan Tuhan bertindak melindungi manusia daripada bahaya alam, bahaya takdir dan bahaya masyarakat (Faber 1907).

Selain itu, tingkah laku beragama bertujuan untuk mengelak daripada musibah dan juga untuk mengawal keinginan bawah sedar seseorang manusia, mengawal dunia luar, mengawal ego dan juga keinginan *agresif* seseorang. Menurut Freud lagi, tingkah laku beragama adalah reaksi keanakan-anakan dan juga sebagai jalan untuk memenuhi keinginan yang wujud dalam diri seseorang. Berdasarkan kenyataan ini, beragama adalah perasaan seseorang untuk dilindungi dengan cinta yang amat besar sepertimana anak yang ingin dilindungi oleh ibu dan ayah mereka. Pelaksanaan tingkah laku beragama mampu melindungi seseorang daripada sesuatu nasib yang buruk seperti kematian, bencana dan sebagainya (Faber 1907). Hal ini juga difahami daripada petikan berikut:

*“And thus a store of ideas is created, born from man’s need to make his helplessness tolerable and built up from the material of memories of the helplessness of his own childhood and the childhood of the race. It can clearly be seen that the possession of these ideas protect him in two directions - against the dangers of nature and fate and against the injuries that threaten him from human society itself. Life in this world serves a higher purpose; no doubt it is not easy to guess what the purpose is but it certainly signifies a perfecting of man’s nature”* (Freud 1975: 18-19).

Di dunia, manusia adalah makhluk yang tidak berdaya dan kerana itulah manusia perlu kepada Tuhan. Beliau yakin bahawa ketakutan yang dialami oleh manusia telah menyebabkan mereka mencipta Tuhan. Jelas beliau lagi, agama adalah sesuatu yang tidak benar yang mana manusia perlu menyelesaikan teka-teki alam semesta serta mendamaikan diri sendiri dan ini adalah satu penderitaan. Menurut beliau, perkara ini adalah usaha yang gagal kerana agama adalah ilusi untuk memenuhi keinginan. Oleh kerana itu, beliau menyarankan agar manusia meninggalkan agama bagi mencapai kemajuan diri. Seandainya manusia masih beragama, mereka masih lagi dibelenggu oleh sifat keanak-anakkan dan terus tidak menjadi dewasa (Faber 1907). Hal ini juga difahami daripada petikan berikut:

*“It will be found if we turn our attention to the psychical origin of religious ideas. These, which are given out as teachings, are not precipitates of experience or end results of thinking: they are illusions, fulfilments of the oldest, strongest and most urgent wish of mankind. The terrifying impression of helplessness in childhood aroused the need for protection – for protection through love – which was provided by the father; and the recognition that this helplessness lasts throughout life made it necessary to cling to the existences of a father, but this time a more powerful one”* (Freud 1975: 30).

#### *Keinginan Kepada Kebahagiaan*

Tingkah laku beragama juga dilakukan untuk mendapatkan kebahagian yang bersifat sementara. Menurut Freud, manusia mendapatkan agama untuk lari daripada tekanan, konflik, perasaan cemas, perasan takut kepada mati, bahaya atau malapetaka dan rasa bersalah. Oleh kerana itu, beliau menganggap agama merupakan kegilaan neurosis bagi seseorang yang mana mereka mencipta Tuhan dalam fikiran mereka lalu disembah. Seperti yang telah dijelaskan, agama merupakan satu sistem yang berperanan untuk memenuhi ilusi manusia

dan dalam masa yang sama bertindak menentang realiti. Jelasnya, agama merupakan jalan untuk melepaskan diri dari kekecewaan dan lari dari kenyataan. Melalui agama manusia berkhayal dengan mempercayai wujudnya satu kekuatan yang muncul dari keperluan seseorang untuk mencapai ketenangan. Agama merupakan kekeliruan dalam berkhayal kerana manusia inginkan kebahagiaan tetapi hakikatnya mereka berada dalam rasa sakit kerana kekecewaan, kesengsaraan dan penderitaan (Daniel & Ventis 1982).

Tingkah laku beragama yang dilakukan oleh seseorang baik dalam bentuk upacara ritual atau perayaan adalah sesuatu yang dilakukan dalam minda bawah sedar. Tingkah laku beragama merupakan satu bentuk kegilaan kerana manusia berada dalam keadaan tidak sedar ketika melakukan upacara dan amalan ritual tersebut dan juga kegilaan mental seseorang terhadap agama yang dianutinya. Setiap tingkah laku beragama yang dilakukan merupakan satu bentuk kegilaan sepertimana kegilaan yang wujud pada pesakit neurosis atau pesakit saraf dan juga gangguan jiwa. Ini berdasarkan pemerhatian Freud terhadap persamaan yang wujud pada tingkah laku pesakit neurosis dengan tingkah laku beragama (Daniel & Ventis 1982). Jelas beliau lagi, tingkah laku beragama adalah tingkah laku yang dilakukan secara terpaksa untuk memenuhi tuntutan agama yang dianuti oleh seseorang dan tingkah laku tersebut tidak berlaku secara semulajadi. Jika mereka tidak melakukannya mereka akan dihimpit rasa gelisah dan perasaan takut (Bocock 1979). Hal ini juga difahami daripada petikan berikut:

*“Everything that happens in this world is an expression of the intentions of an intelligence superior to us, which in the end, though its way and byways are difficult to follow, orders everything for the best - that is, to make it enjoyable for us. Over each one of us there watches a benevolent Providence which is only seemingly stern and which will not suffer us to become a plaything of the overmighty and pitiless force of nature”* (Freud 1975: 31).

Menurut Freud (1975), agama merupakan sesuatu yang hanya bertujuan untuk memenuhi keinginan manusia dan merupakan sesuatu yang negatif. Bagi beliau, orang yang beragama adalah individu yang mempunyai penyakit gangguan saraf atau sakit jiwa. Ini adalah disebabkan oleh kepercayaan yang kuat terhadap Tuhan sebagai penganti kepada ayah. Bocock (1979) menjelaskan

hal ini adalah rentetan daripada perasaan dan kepercayaan bahawa ayah dapat memberi kebahagiaan, ketenteraman dan perlindungan kepada anak yang berada dalam ketakutan sehingga anak merasakan ayah adalah syurga baginya. Hal ini juga difahami daripada petikan berikut:

*"Religion has found a solution in threats against disobedience and the promise of a later or opportunity for the gratification of wishes, as a reward for obedience"* (Freud 1975: 37).

Oleh itu, Freud (1975) menyimpulkan tingkah laku beragama adalah sesuatu yang tidak matang sepetimana tidak matangnya keinginan seorang kanak-kanak. Jelas beliau lagi, seorang dewasa perlu berfikiran matang sesuai dengan usia dewasa dan tidak boleh menyerah kalah dengan keinginan yang bersifat keanak-anakan untuk kepuasan sendiri. Pemikiran orang dewasa sewajarnya diatur oleh pemikiran akal dan sains bukannya pemikiran agama yang bersifat tidak logik dan tahan. Agama akan menjadikan manusia selamanya menjadi kanak-kanak. Kepercayaan terhadap Tuhan yang akan memenuhi keinginan dan keperluan manusia adalah satu fantasi yang tidak matang. Manusia telah dipaksa oleh agama untuk tidak berkembang dan terus menjadi kanak-kanak yang bergantung kepada ibu dan ayah. Orang yang beragama diibaratkan seperti kanak-kanak yang berjanji untuk melakukan kebaikan hanya jika mendapat ganjaran daripada kebaikan yang telah dilakukan.

*"As the illusion of religion is created out of the material offered by the memories of the helplessness of the childhood of the individual and the childhood of the race, it cannot serve for relative maturity and should be resolutely discarded"* (Freud 1975: 24).

Hal ini jelas bertentangan dengan prinsip ajaran Islam, tingkah laku beragama dilakukan bukan bertujuan untuk memenuhi keinginan manusia semata-mata. Walaupun seorang Muslim melakukan tingkah laku beragama kerana rasa kebergantungan dan kebahagiaan tetapi tujuan utamanya adalah semata-mata kerana Allah s.w.t dan untuk mendapat keredaan dariNya. Sebagai seorang Muslim, agama bukan didorong oleh keinginan seksual tetapi agama adalah fitrah semulajadi manusia yang memerlukan Tuhan dan agama. Kenyataan Freud yang menjelaskan agama adalah ilusi adalah tidak tepat di sisi Islam kerana agama adalah perkara yang sangat penting kepada

jiwa manusia dalam membimbing setiap tingkah laku seorang manusia. Perbahasan Freud mengenai agama dilihat lebih cenderung kepada mengkritik dan perkara ini dapat dijelaskan melalui kenyataan beliau bahawa orang yang beragama adalah tidak matang. Malah beliau menyarankan agar manusia meninggalkan agama.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, tingkah laku beragama menurut pemikiran Freud adalah tingkah laku yang terhasil daripada keinginan seksual yang berada dalam minda bawah sedar manusia. Konflik perasaan yang dialami oleh kanak-kanak lelaki telah mencetuskan idea kepada manusia untuk beragama dan mencipta Tuhan dengan menjelaskan imej Tuhan dalam bentuk-bentuk tertentu. Pemujaan terhadap *totem* dan kepatuhan terhadap pantang larang atau *taboo* adalah cara untuk mendapat perlindungan daripada suatu bahaya yang tidak dapat dikawal oleh daya manusia yang bersifat lemah. Oleh kerana itu, mereka memerlukan sesuatu yang dianggap mempunyai kuasa agar dapat melindungi daripada sebarang bahaya.

Selain itu, manusia melakukan tingkah laku beragama sebagai cara untuk berhadapan dengan dunia realiti yang tidak mampu dihadapi. Kewujudan *totem* yang dijelaskan dalam pelbagai bentuk sama ada haiwan atau simbol-simbol tertentu mampu memberi ketenangan kepada mereka. Pemujaan terhadap sesuatu objek atau simbol yang dianggap Tuhan dilakukan dengan pelbagai cara seperti pengorbanan dan penyembelihan haiwan *totem* yang tidak dilakukan pada hari lain. Tingkah laku beragama juga merupakan simptom neurosis dan merupakan kegilaan manusia untuk mencapai keinginan-keinginan yang bersifat keanak-anakan. Ritual yang dilakukan cuba untuk menafikan realiti dunia luar yang dihadapi oleh manusia. Oleh kerana itu, Freud menjelaskan tingkah laku beragama mempunyai persamaan dengan pesakit neurosis kerana kedua-duanya tidak dapat menguruskan emosi dengan baik.

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan oleh Freud, terdapat sedikit persamaan dengan kehidupan Muslim iaitu dari segi tujuan tingkah laku beragama dilakukan. Manusia perlu kepada agama kerana kelemahan, untuk tujuan perlindungan dan juga rasa kebergantungan kepada Tuhan. Secara umumnya, hal ini dilihat mempunyai

persamaan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Freud dalam membincangkan konsep *oedipus complex*. Namun begitu, keredhaan Tuhan adalah tujuan paling utama bagi seorang Muslim yang melakukan tingkah laku beragama dan hal ini tidak menjadi keutamaan dalam perbincangan Freud. Ini kerana, beliau adalah salah seorang tokoh sekular dan tidak membincangkan aspek ketuhanan.

Dari segi perbezaan pula, terdapat banyak pertentangan diantara pemikiran Freud dengan konsep kehidupan Muslim. Perbezaannya sangat ketara kerana Freud memandang agama sebagai ilusi manusia. Selanjutnya beliau menjelaskan agama lahir daripada perasaan manusia yang inginkan perlindungan daripada sesuatu yang dipercayai mempunyai kuasa. Oleh itu, manusia menjelmakan Tuhan dalam pelbagai bentuk untuk disembah, diberi penghormatan dan diraikan dalam pelbagai cara. Beliau percaya bahawa hal ini berlaku disebabkan perasaan benci terhadap ayah dan perasaan ingin memiliki ibu yang wujud ketika usia kanak-kanak. Kewujudan perasaan ini menyebabkan manusia berada dalam keadaan *delusi* apabila menjangkau usia selanjutnya. Beliau juga menjelaskan, naluri seksual merupakan faktor atau sumber pembentukan tingkah laku beragama.

Sebagai seorang Muslim, hal ini adalah bertentangan dengan konsep agama adalah fitrah. Sejak dari awal kejadian manusia, Allah s.w.t telah menciptakan manusia berada dalam agama yang lurus (*tauhid*). Selain itu, manusia adalah makhluk yang memerlukan agama dalam kehidupan untuk dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan baik kehidupan dalam alam nyata maupun kehidupan rohani. Ia bermatlamat untuk mencapai kejayaan yang abadi di akhirat kelak. Dalam Islam, tingkah laku beragama bersumberkan wahyu yang datang dari Allah s.w.t. Ini menunjukkan bahawa tingkah laku beragama dalam ajaran Islam bukan ilusi atau rekaan daripada manusia.

Oleh yang demikian sebagai seorang Muslim, teori dan pandangan yang dikemukakan oleh Freud tidak boleh diterima secara keseluruhannya. Terutamanya teori beliau mengenai konsep *oedipus complex* dan agama adalah ilusi manusia. Hal ini mempunyai pertentangan yang sangat ketara dengan ajaran Islam dan konsep kehidupan Muslim yang mengutamakan Tuhan atau Allah s.w.t dalam setiap perkara. Malah, konsep kehidupan seorang Muslim pula tidak memisahkan agama dalam setiap aspek kehidupan. Hal ini berbeza dengan pemikiran yang dikemukakan oleh Freud kerana

beliau adalah salah seorang sarjana yang berfikiran sekular iaitu pemikiran yang memisahkan agama dalam setiap aspek yang dibincangkan. Oleh itu, pemikiran beliau adalah tidak sesuai untuk diterima dan diaplikasikan dalam kehidupan seorang Muslim secara keseluruhannya.

#### RUJUKAN

- Al-Ghazali, Imam Abi Hamid Muhammad. 1967. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Qahirah: Mu'assah al-Halabi wa Syarikah li al-Nasyri<sup>c</sup> wa at-Tauzi<sup>c</sup>.
- Argyle, M. 1958. *Religious Behavior*. London: Routledge House & Kegan Paul Ltd.
- Arie Syahfrudi. 2015. Studi Kolerasi Antara Pemahaman Agama Islam Dengan Perilaku Keagamaan Pada Komunitas Balap Liar di Dusun Kembang Desa Nglegi Gunungkidul. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Bocock, R. J. 1979. The Symbolism of the Father - A Freudian Sociological Analysis. *The British Journal of Sociology* 30 (2): 206-217.
- Boyatzis, R. E. 1998. *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. Thousand Oaks: Sage.
- Corey, G. 2009. *Theory and Practice of Counseling and Psychotherapy*. Belmont, America: Thomson Brooks.
- Creswell, W. 1994. *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. California: Sage Publications, Inc.
- Daniel B. C. & Ventis, L. W. 1982. *The Religious Experience - A Social-psychological Perspective*. New York: Oxford University Press.
- Faber, H. 1907. *Psychology of Religion*. Philadelphia: The Westminster Press.
- Freeman, E. 1929. Review Work: The Future of an Illusion by Freud and W. D. Robson-Scoot. *The American Journal of Psychology* 41(1): 126-128.
- Feierman, J. R. 2009. *The Biology of Religious Behavior: The Evolutionary Origins of Faith and Religion*. California: Praeger.
- Freud, S. 1961. *Totem and Taboo: Some Points of Agreement between the Mental Lives of Savages and Neurotics*. Terj: James Strachey. London: Routledge Classics.
- Freud, S. 1975. *The Future of an Illusion*. Terj. James Strachey. London: Norton.

- Fromm, E. 1971. *The Crisis of Psychoanalysis*. London: Jonathan Cape Ltd.
- Hajaroh, M. 1998. Sikap dan Perilaku Keagamaan Mahasiswa Islam di Daerah Istimewa Yogyakarta. *Jurnal Penelitian dan Evaluasi* 1(1): 19-31.
- Masri Mansoer. 2008. Perilaku Keberagamaan Remaja Kasus Pada Siswa SLTA Di Kota Jakarta Selatan, Kabupaten Sukabumi dan Kabupaten Lebak. Tesis Sarjana, Institut Pertanian Bogor.
- Nurulhidayah Wahab, Azlina Abu Bakar & Abdul Manam Mohamad. 2017. Analisis Elemen-elemen Nafsu Dalam Teori Psikoanalisis Sigmund Freud dan Kitab Penawar Bagi Hati al-Mandili. *Jurnal Islam & Masyarakat Kontemporeri* 4 (Januari): 51-67.
- Nurhuda Sandi Utomo. 2011. Hubungan antara Kedisiplinan Dalam Keluarga Militer Dengan Perilaku Keberagamaan Pada Remaja Di Asrama Garnisun Kota Salatiga Tahun 2011. Tesis Sarjana Pendidikan. Negeri Salatiga: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri.
- Nurjannah Hanifah. 2013. Pengaruh Pendidikan Agama Islam Terhadap Perilaku Keagamaan Anak Pada Program Paket C di Lembaga Pemasyarakatan Anak Kutuarjo Kabupaten Purworejo Jawa Tengah. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Ririn Astuti. 2010. Peranan Organisasi Kerohanian Islam (ROHIS) Dalam Membentuk Perilaku Keagamaan Siswa Di SMA Negeri 1 Godean Sleman Yogyakarta. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Rose Fazilah Ismail & Haris Abd Wahab. 2015. Persepsi Pesakit Mental Terhadap Stigma Masyarakat. *Jurnal Akademika* 85(1): 13-24.

- Sofe Ahmed. 2012. Sigmund Freud's Psychoanalytic theory Oedipus complex: A Critical Study with Reference to D. H. Lawrence's "Son and Lovers". *Internal Jurnal of English and Literature* 3(3): 60-70.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin. 2014. *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Nor Nazimi Mohd Mustaffa (corresponding author)  
 Institut Islam Hadhari  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor  
 Malaysia  
 E-mail: naz\_imi@yahoo.com.my

Jaffary Awang  
 Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor  
 Malaysia  
 E-mail: jaffary@ukm.edu.my

Aminudin Basir @Ahmad  
 Pusat Citra Universiti  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor  
 Malaysia  
 E-mail: binamanhaj@yahoo.com

Received: 12 December 2016  
 Accepted: 1 October 2017

